NIBM
NATIONAL INSTITUTES OF BIOTECHNOLOGY MALAYSIA

National Institutes of Biotechnology Malaysia (NIBM) yang ditubuhkan pada 27 Januari 2012 adalah sebuah konsortium institut-institut bioteknologi kebangsaan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) beroperasi sebagai syarikat berhad dengan jaminan untuk menerajui penyelidikan, pembangunan, inovasi dan pengkomersilan bioteknologi moden. Konsortium ini terdiri daripada tiga institut iaitu Institut Agro-Bioteknologi Malaysia (ABI) di Serdang, Selangor, Institut Farmaseutikal dan Nutraseutikal Malaysia (IPharm) di Gelugor, Pulau Pinang, dan Institut Genom Malaysia (MGI) di Bangi, Selangor. NIBM mempelawa individu yang berkelayakan, berpengalaman, dinamik, dan bersedia untuk bekerja kuat menyertai organisasi kami bagi jawatan berikut:

| Bil. | Jawatan | Kelayakan |
|---|---|---|
| 1. | Pembantu Penyelidik<br>(Gred 14 – Jawatan Kontrak)<br>(Institut Agro-Bioteknologi Malaysia, ABI) | Deskripsi Tugas:<br>1. Membantu menguruskan semua urusan berkaitan makmal dan peralatan di bawah tanggungjawab;<br>2. Menerima dan memproses sampel penyelidikan untuk peralatan makmal di bawah tanggungjawab;<br>3. Membuat pemeriksaan berkala dan memastikan alat jagaan berfungsi dengan baik;<br>4. Melaksanakan tugas-tugas khusus berkaitan dengan proses dan peralatan makmal yang dipertanggungjawabkan;<br>5. Bertanggungjawab menyediakan media kultur, larutan-larutan piawai serta bahan-bahan kimia dan peralatan kaca;<br>6. Membantu dalam proses pembangunan, pengubahsuaian dan proses pembuatan dan penghasilan produk minuman dan makanan;<br>7. Membuat permohonan perolehan bagi peralatan penyelidikan di bawah jagaan;<br>8. Membantu mengurus dan melaksanakan penyelenggaraan berkala bagi semua peralatan penyelidikan di bawah tanggungjawab;<br>9. Memastikan semua peralatan makmal telah dikalibrasi sebelum digunakan; dan<br>10. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari masa ke semasa.<br><br>Kelayakan dan Pengalaman:<br>1. Warganegara Malaysia;<br>2. Mempunyai sekurang-kurangnya Diploma dalam bidang Biologi/Bioteknologi/Bioteknologi Makanan; dan<br>3. Mempunyai pengetahuan asas dalam proses penyediaan sampel/pembangunan produk; dan<br>4. Graduan digalakkan untuk memohon. |

Calon-calon yang memenuhi keperluan dan syarat-syarat kelayakan yang tertera di atas dijemput menghantar *resume* yang lengkap dengan menyertakan butir-butir peribadi, kelayakan serta pengalaman, nombor telefon untuk dihubungi, salinan sijil-sijil berkaitan serta sekeping gambar berukuran passport (tidak dikembalikan) kepada:

**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA,**
**NATIONAL INSTITUTES OF BIOTECHNOLOGY MALAYSIA,**
Pejabat Pengurusan Korporat, Aras 2,
Kompleks Agro-Biotechnology Institute (ABI),
d/a Ibupejabat MARDI, 43400 Serdang, Selangor.
Tel : 03-8949 5687
Emel :recruitment@nibm.my

Hanya calon-calon yang disenaraipendek sahaja akan dihubungi.

Tarikh tutup permohonan**: 6 April 2018**